



NOTIS PERINGATAN PENGUMPULAN MATA *CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT* 2027 DAN PEMAKLUMAN MMC-CPD *GRADING SYSTEM* YANG BAHARU

Selaras dengan Peraturan 28(2)(b) Peraturan-Peraturan Perubatan 2017, salah satu kriteria permohonan bagi sijil Perakuan Amalan Tahunan (PAT) adalah keperluan memiliki sekurang-kurangnya minimum 20 mata *Continuing Professional Development* (CPD). Seperti yang sedia maklum, mata CPD perlulah dikumpul dalam tempoh kitaran tahun CPD yang telah ditetapkan iaitu bermula 1 Julai sehingga 30 Jun tahun seterusnya. **Justeru, diingatkan bagi permohonan sijil PAT bagi tahun 2027, mata CPD perlu dikumpulkan bermula daripada 1 Julai 2025 sehingga 30 Jun 2026 SAHAJA.** Bagi mata CPD yang dikumpulkan bermula 1 Julai 2026, ianya akan diambil kira untuk permohonan sijil PAT bagi tahun 2028.

Dalam usaha menambah baik panduan pelaksanaan CPD kepada pengamal perubatan, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah meminda MMC-CPD *Grading System*. Pelaksanaan MMC-CPD *Grading System* yang baharu akan mula berkuat kuasa pada **1 Julai 2026**. Oleh yang demikian, semua pengamal perubatan dinasihatkan untuk mengambil maklum dan merujuk kepada garis panduan baharu tersebut di laman sesawang MPM.

Selain itu, audit oleh MPM akan dijalankan secara rawak terhadap pengamal perubatan bagi memastikan ketelusan dan pematuhan kepada keperluan CPD. Justeru, semua pengamal perubatan perlu memastikan bukti penyertaan seperti sijil kehadiran disimpan dengan baik untuk tujuan semakan dan audit.

Perlu ditegaskan bahawa pengumpulan mata CPD adalah suatu keperluan bagi pembaharuan Sijil PAT untuk tujuan mengamal perubatan secara sah. Mengamal perubatan tanpa pendaftaran dan PAT yang sah adalah suatu kesalahan di sisi undang-undang dan, jika disabitkan kesalahan, pengamal perubatan serta majikan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Perubatan 1971.

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

3 Jun 2026